

**INDUSTRI PERHOTELAN DI KOTA BHARU:
PROSPEK, CABARAN DAN KESAN**

OLEH

CHE GAYAH BINTI JAAFAR	-	94804163
IBRAHIM BIN MOHAMAD	-	94803597
NIK MOHD AULAZAKIA BIN NIK SOH	-	94803613
CHE HARUN BIN CHE HAMID	-	94803805

**Kertas Projek Yang dikemukakan untuk Kajian
Pentadbiran dan Undang – Undang ITM Cawangan
Kelantan bagi memenuhi sebahagian daripada syarat-
syarat untuk memperolehi Diploma Pentadbiran Awam**

Julai 1998

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah kerana dengan limpah dan kurniaNya jua kami telah menyempurnakan Kertas Projek ini meskipun didalam keadaan yang tidak sempurna kerana terpaksa menghadapi berbagai cabaran dan kesulitan baik dari konteks masa, bahan rujukan dan pengumpulan data-data sepanjang usaha ini dilakukan.

Di kesempatan ini, kami suka mengambil peluang untuk merakamkan sekalung penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Pensyarah Kertas Projek PAD 340 En. Mohd Nor b. Shapiin yang banyak memberi bimbingan dan panduan kepada kami sepanjang 2 semester bermula November 1997 hingga September 1998. Dengan pengetahuan 'zero base', beliau telah berjaya meyakinkan kami sehingga Kertas Projek ini dapat disempurnakan walaupun terdapat banyak kekurangan dan kesilapan.

Didalam usaha kami melaksanakan kerja-kerja menyelidik, mengkaji dan membuat pemerhatian keatas segala elemen-llemen berkaitan kertas projek ini, kami sentiasa mendapat kerjasama dan bantuan yang tidak sedikit nilainya dari semua pihak yang kami temui.

Untuk itu, suka kami merakamkan penghargaan dan terima kasih diatas segala pertolongan dan kerjasama yang telah mereka berikan kerana tanpa bantuan dan pertolongan sebahagian dari mereka yang terlibat, adalah terlalu sukar untuk kami menyiapkan kertas projek ini dengan lengkap. Mereka yang kami maksudkan ialah :-

1. Pusat Pelancungan Negeri Kelantan
2. Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan
3. Majlis Perbandaran Kota Bharu
4. Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Negeri Kelantan
5. Hotel Daimond Puteri
6. Hotel Sutera Inn Prima
7. Hotel Perdana
8. Hotel Temenggung

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
PENGHARGAAN	II - V
KANDUNGAN	VI - VIII
ABSTRAK	IX
SENARAI GAMBARAJAH	X

BAB 1: PENGENALAN

1.1	APAKAH ITU INDUSTRI PERHOTELAN	1 - 2
1.2	INDUSTRI PERHOTELAN DI KELANTAN	3 - 8
1.3	OBJEKTIF PENYELIDIKAN	9
1.4	SKOP PENYELIDIKAN	10
1.5	METHOLOGI PENYELIDIKAN	10 - 11
1.6	HIPOTESIS PENYELIDIKAN	11
1.7	HALANGAN DAN MASALAH SEMASA	12
	PENYELIDIKAN	

ABSTRAK

Industri Perhotelan di Kota Bharu, mula berkembang pesat sejak 5 tahun kebelakangan ini hasil daripada meningkatnya industri pelancungan negeri. Walaupun kemajuan infrastruktur di Ibu Negeri Kelantan ini tidaklah serancak dikota-kota besar lain di Malaysia namun tarikan pelancungan terhadap faktor-faktor setempat telah menjadikan industri perhotelan terus berkembang. Adalah dijangkakan hasil dari temubual, kajian dan pemerhatian kumpulan, industri ini akan terus pesat untuk jangka masa terdekat biarpun negara dilanda dengan kemelut ekonomi yang parah. Syarat-syarat dan peraturan yang ketat oleh kerajaan negeri keatas premis-premis hotel tidak menghalang pelancung-pelancung untuk terus menginap, kerana kos pengurusan yang rendah telah memberikan kelebihan untuk pihak hotel tidak menaikkan sewa untuk setiap bilik.